

# Remaja lelaki mengaku simpan motosikal curi

**MIRI:** Seorang remaja lelaki mengakubersalahdi Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan dengan curang menyimpan sebuah motosikal curi.

Walau bagaimanapun, mahkamah kemudian menetapkan 30 April depan untuk mendengar laporan sosial tertuduh yang akan

dikemukakan oleh pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat memandangkan tertuduh merupakan pesalah muda.

Edin Richet Joe, 19, dari Tudan Desaras di sini, telah didakwa mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang enam bulan dan

tidak melebihi lima tahun serta denda, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati dengan curang telah menyimpan harta curi iaitu sebuah motosikal dengan nombor pendaftaran QM80xxx yang merupakan kepunyaan Sylvester Philip, 33.

Tertuduh yang kini sedang

menjalani hukuman di Sekolah Henry Gurney, Kuching didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 12.15 tengah hari, 2 Oktober 2023 di Jalan Lorong Mulia 2, Tudan di sini.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Randu Rangen.